Metro Ahad
28 JULAI 2013

Lebih 100 peserta sertai Program Jom Kayuh Cegah Jenayah 'Community Policing'

Kayuhan cegah jenayah

SEBAHAGIAN peserta berkayuh untuk menyampaikan maklumat pencegahan jenayah.

JOM KAYUH

Oleh AINAL MARHATON ABD GHANI
metahad@mediaprima.com.my

Aktiviti berbasikal bukan saja untuk tujuan riadah dan amalan gaya hidup sihat, malah boleh dijadikan sebahagian daripada usaha polis dalam mengurangkan kadar jenayah.

Jelas bahawa aktiviti berbasikal boleh dimanfaatkan semua pihak, bermula dari anak kecil sehingga kolompok korporat, malah kini menjadi 'trend' polis menggunakan basikal untuk melakukan rondaan keselamatan.

Justeru, bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pencegahan jenayah, Kelab Berbasikal Markas Briged Tenggara, Pasukan Gerakan Am (PGA), Kem Bukit Galing di Kuantan mengambil pendekatan turun padang menganjurkan program Jom Kayuh Cegah Jenayah 'Community Policing' dengan berbasikal sejauh 40 kilometer menjayakan misi berkenaan.

Program yang kali pertama dianjurkan itu membabitkan 125 peserta, termasuk 35 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), dengan jarak kayuhan 40 kilometer (km) bermula dari kem itu sehingga ke Pantai Sepat sebelum berpatah balik.

Bertindak mendekati masyarakat dengan lebih dekat, peserta turut mengedarkan risalah pencegahan jenayah kepada orang ramai yang ditemui sepanjang perjalanan.

Walaupun wajah masing-masing menampakkan kepenatan, kayuhan tetap diteruskan untuk menjayakan misi 'polis dekati masyarakat'.

Ternyata ia aktiviti menghiburkan dengan keadaan cuaca tidak terlalu panas dan penerimaan masyarakat yang menyambut baik kehadiran mereka di situ.

Komander Briged Tenggara, Pasukan Gerakan Am (PGA), Datuk Azizan Abu Taat berkata, melalui program itu, masyarakat akan merasa lebih selamat dengan kehadiran anggota polis di kawasan mereka.

"Lazimnya, penduduk sangka polis hanya menangkap orang tanpa menyedari mereka juga boleh berinteraksi serta berkongsi maklumat, terutama membabitkan kes jenayah di tempat masing-masing.

PELAJAR UMP turut menyampaikan risalah kepada orang ramai.



"Pembabitan masyarakat atau komuniti sebagai perantara kepada polis dalam melaksanakan tugas pencegahan dan kepolisan mampu mencegah kegiatan jenayah"
Konstabel Shahirul

"Sehubungan itu, saya optimis, program seperti ini platform terbaik untuk kita mendekati penduduk dalam usaha membina kepercayaan berterusan terhadap polis," katanya ketika ditemui di Pantai Sepat, destinasi terakhir program sebelum berpatah balik ke Kem Bukit Galing.

Azizan berkata, program Jom Kayuh Cegah Jenayah mampu merapatkan hubungan polis dengan masyarakat, sekali gus memudahkan penyaluran maklumat, khususnya jika berlaku kejadian jenayah setempat.

"Aktiviti berbasikal seperti ini menjadikan kehadiran polis lebih dirasai kerana kita turut mengedarkan risalah pencegahan jenayah sebagai usaha memberi kesedaran dan langkah awal membendung jenayah di komuniti mereka.

"Polis sentiasa mengukuhkan hubungan baik dengan orang ramai untuk menjalin persefahaman bagi memberi perkhidmatan terbaik," katanya.

Sementara itu, Konstabel Shahirul Hanif Nasaruddin, 25, berkata, orang ramai perlu sama-sama bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan jenayah di kawasan kediaman masing-masing.

"Pembabitan masyarakat atau komuniti sebagai perantara kepada polis dalam melaksanakan tugas pencegahan dan kepolisan mampu mencegah kegiatan jenayah.

"Justeru, program seperti ini mendekatkan polis dengan masyarakat dalam mencegah kejadian jenayah, malah mereka ialah sumber maklumat polis ," katanya yang bertugas di Ibu Pejabat Polis (IPD) Kuantan.

Pelajar UMP, Mohd Ikhwan Abdullah, 21, berkata, program 'Community Policing' penting dalam mewujudkan kesedaran masyarakat untuk membanteras jenayah.

"Masyarakat perlu tahu kehadiran polis di komuniti penting dan bukan sekadar membuat rondaan cegah jenayah, tetapi lebih kepada mendekati rakyat dan membantu mengurangkan kadar jenayah di komuniti setempat.

"Saya teruja menyertai program ini kerana ia memberi peluang melihat polis tampil di sisi masyarakat di samping mengedar risalah berkaitan jenayah," katanya.

Rakannya, Mohd Hairi Mohamad, 20, berkata, program kepolisan komuniti itu memberi manfaat yang bukan sedikit kepada semua pihak terbabit, termasuk pelajar sepertinya.

"Dengan mengikuti aktiviti bersama anggota PGA, baru saya tahu apa yang dikatakan kepolisan komuniti yang sebelum ini saya hanya baca di akhbar dan tonton di televisyen.

"Konsep 'polis dekat di hati rakyat' sewajarnya diterap dalam kalangan semua pegawai dan anggota polis khususnya, secara tidak langsung ia mengeratkan hubungan antara polis dan masyarakat," katanya.

Fakta

Basikal Unik (tayar depan besar)

Seorang lelaki China membuat sebuah basikal unik yang boleh dikatakan gila. Demi kesenangan, lelaki itu membuat basikal dengan roda depannya mencapai tinggi 1.75 meter.

Zhang Lianjun berbelanja hingga 1,800 pound untuk tujuan itu. Selain menggunakan roda besar, Zhang yang berasal dari Tanghan, Hebei melengkapi basikal itu dengan lampu besar serta hon yang bunyinya membuat orang terkejut.

Namun, basikal ini juga dilengkapi dengan empat roda kecil di belakang. Awalnya, Zhang merancang membuat basikal itu dengan menggunakan roda traktor yang tingginya mencapai 2.1 meter.

Kelab Berbasikal

- *Fame FxD (016-2097449)*
- *Kelab Berbasikal Kaki Tua Riders Kota Damansara, Kuala Lumpur. Sebarang pertanyaan mengenai aktiviti, hubungi Raeny: 012-3932128*